

U E972 AAE

MAHATHIR - RANTAU

DARIPADA MUSA SCULLY

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 12.30 TENGAH HARI INI.)

(I)

BEIJING, 22 NOV (BERNAMA) -- MALAYSIA HARI INI MENYERU CHINA SUPAYA MENINGKATKAN LAGI USAHA SAMA KE ARAH MENJAYAKAN KERJASAMA SERANTAU -- SATU-SATUNYA PILIHAN BAGI MEJUJUDKAN RANTAU AMAN, STABIL DAN PROGRESIF.

SAMBIL MEMPELAWA CHINA BERGANDING BAHU DENGAN MALAYSIA DALAM MENJALANKAN LANGKAH-LANGKAH YANG MENJADI JAMINAN TERBAIK BAGI KEMAJUAN, KEMAKMURAN DAN KESELAMATAN, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA: +JALAN KE ARAH KERJASAMA SERANTAU YANG JUJUR ADALAH PANJANG TETAPI SEBAGAIMANA SEORANG PENDITA AGUNG TUAN PERNAH KATAKAN, PERJALANAN SERIBU BATU BERMULA DENGAN LANGKAH PERTAMA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG KINI BERADA PADA HARI KETIGA LAWATAN RASMI SEMBILAN HARINYA KE CHINA TELAH BERUCAP KEPADA PARA PELAJAR UNIVERSITI QUING HUA YANG TERKEMUKA DI BEIJING.

SAMBIL MENGAKUI BAHAWA HUBUNGAN DENGAN CHINA TIDAK SUNYI DARIPADA PELBAGAI MASALAH, BELIAU BERKATA HANYA MENERUSI KERJASAMA SERANTAU DAPATLAH KEDUA-DUA NEGARA +MENYELARAS PELBAGAI KEPENTINGAN KITA DAN MENGURANGKAN PELBAGAI PERBEZAAN KITA.+ -- LAGI.

1114MST 22 11 85

U B203 AAB

MAHATHIR - RANTAU 2 BEIJING (EMBARGO)

(I)

BELIAU BERKATA BEBERAPA HALANGAN - DASAR PERLINDUNGAN, AMALAN PERDAGANGAN YANG TIDAK ADIL, PERBUATAN +MEMBULI+ DAN CAMPURTANGAN DALAM URUSAN NEGARA LAIN - MENGHALANGI PENCAPAIAN ITU.

+KERJASAMA SERANTAU TIDAK AKAN TERLAKSANA JIKA KITA MEMBIARKAN DIRI KITA BERKHAYAL DENGANNYA ATAU BERTANAM TEBU DI TEPI BIBIR.+

DALAM UCAPAN YANG PANJANG LEBAR YANG MENGGARISI +PANDANGAN MALAYSIA TENTANG BAGAIMANA CHINA BOLEH MENYUMBANG KE ARAH PENGWUJUDAN RANTAU AMAN, STABIL DAN DINAMIK+, BELIAU BERKATA SEBAGAI PERMULAAN KEDUA-DUA NEGARA BOLEH BEKERJASAMA DENGAN SERIUS DALAM PERJUANGAN MEWUJUDKAN PERATURAN EKONOMI YANG LEBIH SAKSAMA - ATAU +MENGUASAI EKONOMI+.

BELIAU MENYEBUT BEBERAPA BIDANG DI MANA KEDUA-DUA NEGARA BOLEH BEKERJASAMA BAGI FAEDAH RANTAU INI IAITU:

+ MALAYSIA DAN CHINA MENYELARAS EKSPORT BARANGAN UTAMA YANG SERUPA SEPERTI TIMAH. -- LAGI.

1141MST 22 11 85

U B207 AAB
MAHATHIR - RANTAU 3 BEIJING (EMBARGO)

(I)

+ SAINGAN SECARA ADIL DAN SAKSAMA DARIPADA CHINA DALAM BIDANG-BIDANG SEPERTI TEKSTIL, BARANG-BARANG ELEKTRONIK DAN BARANG-BARANG PERTANIAN,
+ MEWUJUDKAN PERDAGANGAN TERUS, YANG TANPANYA MENAKIBATKAN KURANG PENGGUNAAN PELABUHAN-PELABUHAN DAN PARA PENGGUNA MALAYSIA PULA TERPAKSA MEMBAYAR HARGA RUNCIT YANG TINGGI,
+ MENIMBANG BAGI MENINGKATKAN EKSPORT +BARANG-BARANG TAMBAH NILAI+ KE CHINA -- JIKA CHINA KURANG MEMERLUKAN KOMODITI-KOMODITI UTAMA,

+ MENGUMPULKAN PERKHIDMATAN INSURANS PENGANGKUTAN -- CHINA, DENGAN KUMPULAN KAPAL DAGANGNYA YANG BERTAMBAH, BOLEH MEMBANTU MENGADAKAN PENGANGKUTAN DENGAN KADAR TAMBANG YANG LEBIH BERPATUTAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA PENGUKUHAN PERDAGANGAN DUA HALA DAN PERTAMBAHAN JENIS-JENIS BARANG DAN PERKHIDMATAN +DI KALANGAN KITA SENDIRI+ BUKAN UNTUK MALAYSIA SAHAJA

-- TETAPI BAGI FAEDAH SEMUA NEGARA MEMBANGUN DI RANTAU INI.

BELIAU BERKATA, + ARAH-ALIRAN KEPADA PERSAINGAN YANG LEBIH HEBAT ANTARA CHINA DAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN TIDAK DAPAT DIELAKKAN. NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG LAIN MESTILAH MENERIMA HAKIKAT ITU. -- LAGI.

1153MST 22 11 85

D310

U B208 AAB

MAHATHIR - RANTAU 4 BEIJING (EMBARGO)

(I)

+TETAPI PERSAINGAN SEUMPAMA ITU HENDAKLAH BERASASKAN KEPADA PRINSIP PERSAMAAN DAN KEADILAN+, KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA KEBANYAKAN NEGARA DI RANTAU ITU, TERMASUK MALAYSIA MENYOKONG RANCANGAN PERMODENAN CHINA TETAPI BIMBANG MENGENAI KESANNYA TERHADAP RANTAU ITU.

WALAUPUN BELIAU MENYAMBUK BAIK JAMINAN PEMIMPIN CHINA BAHAWA NEGARA ITU TIDAK AKAN MELUASKAN PENGARUHNYA ATAU MENGAMBIL TINDAKAN YANG BOLEH MENGANCAM NEGARA-NEGARA DI RANTAU ITU, TETAPI PERDANA MENTERI BERKATA, +KAMI TIDAK MUDAH MENERIMA JAMINAN ITU BERDASARKAN PENGALAMAN PADA MASA LALU.+

BELIAU BERKATA BAHAWA SEJARAH MEMBUKTIKAN BAHAWA NEGARA-NEGARA KECIL MEMPUNYAI SEBAB UNTUK MERASA BIMBANG MENGENAI PERKEMBANGAN ITU.

-- BERNAMA.

1155MST 22 11 85